

KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERAK

BIL. 18

FATWA MENGENAI HUKUM PENDERMAAN JASAD SI MATI UNTUK TUJUAN PENYELIDIKAN

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke-194 yang bersidang pada 7 Rabiulawal 1443H bersamaan 14 Oktober 2021 telah memperaku untuk menerima pakai keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam (MKI) sebagai Irsyad Hukum (Panduan Hukum) mengenai Hukum Pendermaan Jasad Si Mati Untuk Tujuan Penyelidikan. Mesyuarat menegaskan bahawa hukum asal pendermaan jasad atau mayat manusia adalah **haram** kerana Islam amat menitikberatkan penghormatan ke atas jasad manusia sama ada sewaktu mereka masih hidup ataupun selepas mati.

Mesyuarat juga berpandangan bahawa dalam konteks Malaysia, pendermaan jasad atau mayat orang Islam dan keperluan penggunaan jasad si mati untuk tujuan penyelidikan masih belum berada pada tahap mendesak. Keperluan terhadap penggunaan mayat untuk tujuan penyelidikan masih boleh dipenuhi dengan kaedah-kaedah alternatif yang ada. Selagi mana kaedah alternatif boleh dikemukakan sebagai jalan keluar, maka ia menjadi pilihan yang mesti diambil **tanpa perlu mengharuskan** pendermaan jasad atau mayat orang Islam.

Sehubungan itu, selaras dengan penegasan syarak tersebut, mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa pendermaan jasad atau mayat orang Islam untuk tujuan penyelidikan adalah haram dan tidak dibenarkan berdasarkan hujah berikut:

- (i) Prinsip kemuliaan mayat dan kewajipan menghormatinya perlu diikuti sebagaimana kaedah :

الأصل في العرض التحريم

Maksudnya: *Asal kepada perkara yang melibatkan maruah dan kehormatan adalah diharamkan.*

Kaedah ini bersandarkan kepada sebuah hadis Nabi SAW:

فإن دماءكم، وأموالكم، وأعراضكم بينكم حرامٌ كحرمة يومكم هذا في شهركم هذا في بلدكم هذا

Maksudnya: *Darah-darah kamu, harta-harta kamu, dan kehormatan kamu di antara sesama kamu haram seperti mana haramnya hari kamu ini, bulan kamu ini, di negeri kamu ini.*

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Kehormatan mayat merupakan suatu tuntutan dan pendermaannya adalah mencerooboh prinsip penghormatan tersebut. Keperluan penggunaan jasad atau mayat orang Islam untuk tujuan penyelidikan belum berada pada tahap mendesak atau *dharurah* kerana keperluan tersebut masih boleh dipenuhi dengan kaedah-kaedah alternatif yang ada.

Mana-mana orang Islam di Negeri Perak yang mengingkari Fatwa ini adalah disifatkan melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di Negeri Perak Darul Ridzuan.

Tarikh : 24 Jun 2022
No. Fail : MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD. 9
Status Fatwa : **Tidak warta**

Saya yang menjalankan amanah



(SS. DATO' HAJI ZAMRI BIN HASHIM)
Timbalan Mufti Negeri Perak